

Bukan malam Ban Mero

FOTO: MOHD HALIM ABDUL WAHID



Antara aksi membabitkan Ban Mero (kiri) dan Nawid Ullah.



Tuah (tiga, kiri) merangkul tali pinggang *Sinar Harian*.



Nawid Ullah mencipta kejutan apabila menewaskan petinju berpengalaman kelab Tomoi Kuda Merah PDRM, Ban Mero.

KEJUTAN terlahar pada hari terakhir Kejohanan JWP-DBKL Kuda Merah Muay Thai Challenge 2024 apabila pilihan utama peninju kelab Tomoi Kuda Merah PDRM, Amirol Ariffin tewas kepada peninju dari Afghanistan, Nawid Ullah Bakshi.

Amirol atau lebih dikenali sebagai Ban Mero terpaksa akur dengan ketangkasan Nawid Ullah apabila tewas dengan kiraan mata 49-50 dalam aksi di Stadium Titiwangsa, Kuala Lumpur pada Ahad.

Aksi berlangsung sengit menyaksikan kedua-dua peninju saling berbalas serangan dalam lima pusingan merebut tali pinggang Komandan Pulapol Kuala Lumpur itu.

Bagi Nawid Ullah yang mewakili kelab Sampuri Ampang menyifatkan kejayaan itu sangat bermakna selain tidak menyangka dapat menewaskan Ban Mero.

"Ia bukan perlawanan

mudah terutama Ban Mero merupakan peninju yang bagus," katanya.

Aksi hari terakhir yang menampilkan tujuh pertarungan itu juga berlangsung hangat dengan tiga keputusan berakhir dengan pukulan 'knockout' (KO).

Aksi pertama membabitkan peninju kanak-kanak, Farish Hakimi (Akademi Kuda Merah) menewaskan Muhammad Izzat Fitri (Muaythai Port Dickson) melalui KO untuk merangkul Piala KBS.

Untuk kategori 62 kilogram, Nizam Joeffery (Kuda Merah Selatan) menundukkan Zahid (Singa Utara) untuk meraih tali pinggang Grandpride Lexury.

Tali pinggang yang menjadi tumpuan iaitu tali pinggang *Sinar Harian* menjadi milik Tuah Tarmizi (Gorilla Muaythai) yang menumbangkan Zufry Iskandar (Taring Muaythai) melalui kiraan mata.